

05/09/1997

Anwar gesa usah bersikap angkuh

Mustapa Omar; Zamzam Omar

KUALA LUMPUR, Khamis - Sikap angkuh, lupa daratan, alpa dan perbuatan fitnah adalah bahaya yang boleh membawa kehancuran dan kemunduran bangsa, selain ancaman dari luar, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Kita menjadi angkuh dan meyakini kita sudah kebal daripada sebarang ancaman dari dalam dan luar. Hakikatnya, kejayaan yang dikecapi selama ini boleh lenyap sekelip mata jika tidak berwaspada."

"Sebaliknya, kita harus melangkah ke depan dengan keyakinan dan ketabahan, Kewaspadaan tidak bererti kita harus hilang semangat untuk menuju mercu kejayaan dengan wawasan yang jelas serta kecekalan menghadapi cabaran."

"Sehubungan itu, keperluan untuk memperkukuhkan barisan dalam Umno semakin mendesak, terutama ketika negara menghadapi pelbagai ujian ekoran kejayaan yang dicapainya selama ini," katanya.

Beliau yang juga Timbalan Presiden Umno berkata demikian ketika merasmikan serentak Persidangan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Anwar juga mengajak rakyat menolak sikap angkuh yang disalah anggap sebagai kekuatan, sebaliknya sikap rendah diri, berwaspada dan berhati-hati adalah kekuatan yang sebenarnya.

Sambil menggesa anggota Umno supaya lebih bersemangat dan sepakat mendukung usaha pemimpin menjawab tentangan ekonomi getir, beliau berkata semua pihak perlu `berdiri sederap, bahu membahu' menyokong kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bagi menggilap kembali keyakinan terhadap kejituan ekonomi untuk terus berkembang.

"Nampaknya kita masih belum menghayati pelajaran dari segala peristiwa yang menghancurkan kerajaan Melaka dahulu; kisah Si-Kitul dan Raja Mandaliar yang sering kita sebut-sebut acapkali kita mengadakan perhimpunan."

"Kita masih menganggapnya sebagai hikayat dahulu kala yang tiada kaitan dengan apa yang berlaku di sekitar kita hari ini."

"Kegagalan memanfaatkan pelajaran daripada sejarah amat berbahaya. Ia membuat kita alpa terhadap keadaan kita sebenarnya. Kita dibuai mimpi khayal, seolah-olah apa yang kita nikmati kini tidak akan ada hujungnya," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, usaha membangunkan ekonomi hendaklah atas landasan prinsip keadilan dan ihsan dengan mengutamakan perjuangan membasmi kemiskinan, pengagihan kekayaan dan merapatkan jurang antara desa dan wilayah.

"Janganlah sikap tamak dan gelojoh untuk merebut menjadi tokoh korporat melupakan kita kepada nadi perjuangan bangsa," katanya.

(END)